

27/04/2001

Dr Mahathir pelawa ulama bekerjasama majukan negara

DUBAI, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak ulama dan cerdik pandai dalam ilmu agama agar turut sama membantu kerajaan membangunkan negara untuk kesejahteraan rakyat.

Perdana Menteri berkata, golongan itu boleh memberi sumbangan dalam bidang tertentu dan mereka tidak harus menyisihkan diri dan menganggap ilmu mereka sudah tinggi hingga mengeneipkan orang yang pakar di bidang lain.

"Mereka sepatutnya menghormati orang yang mahir di bidang kejuruteraan, perubatan, automotif, teknologi, industri makanan dan sebagainya kerana kerjaya mereka adalah satu jihad juga," kata beliau dalam sesi soal jawab dengan peserta yang menghadiri Forum Antarabangsa Emiriah di sini, petang ini.

Dr Mahathir berkata, ulama hanya tahu dalam bidang berkaitan dengan ilmu keagamaan dan mereka tidak mahir dalam bidang lain yang juga penting dalam proses pembangunan negara.

"Adalah lebih baik mereka berganding bahu dengan orang yang pakar di bidang lain yang turut berjihad untuk kesejahteraan ummah dan pembangunan negara sendiri," katanya.

Beliau ada bertanya kepada seorang ulama sama ada dia tahu membuat pesawat pejuang untuk mempertahankan negara dan ulama itu menjawab 'tidak tahu'.

"Saya bertanya jika tidak tahu buat, siapa yang boleh buat kerana perkara itu cukup penting sebagai benteng keselamatan negara," katanya.

Katanya, jika ulama tahu semua bidang tentu negara cepat maju, tapi mereka hanya mahir satu bidang dan mereka tidak harus menidakkan kebolehan orang yang pakar dalam bidang lain.

Perdana Menteri berkata, Islam menggalakkan umatnya belajar semua bidang yang memberi manfaat kerana Islam adalah satu cara hidup seperti yang dianjurkan dalam al-Quran dan Hadis.

Beliau juga memberitahu wartawan asing bahawa agama Islam di Malaysia sudah dipolitikkan oleh sebuah parti hingga begitu mudah mengkafirkan seseorang Islam.

"Mereka tahu saya beragama Islam, tapi ada pihak yang menuduh saya kafir. Susahlah kalau agama dipolitikkan," katanya.

Wartawan Barat dan Arab juga menyentuh mengenai isu Datuk Seri Anwar Ibrahim yang sudah dijatuhi hukuman penjara oleh mahkamah.

Sehubungan itu, Dr Mahathir menasihatkan rakyat asing agar mendengar dan mendapatkan maklumat lanjut daripada kedua-dua pihak. Orang Arab tidak harus percaya bulat-bulat apa yang ditulis wartawan Barat mengenai isu itu.

"Datanglah ke Malaysia dan tanya kepada orang tempatan tapi jangan pula tanya kepada penyokong bekas timbalan perdana menteri itu.

"Saya tidak takut kepada Anwar. Umur sayapun sudah 76 tahun, cuma saya bimbang dengan masa depan negara jika diperintah oleh orang yang rosak akhlaknya," kata beliau.

Katanya, Malaysia seperti negara lain juga ada undang-undang sendiri.

Sesiapa yang membuat salah tanpa mengira kedudukan akan dihadapkan ke mahkamah. Mereka dibenarkan mendapatkan peguam untuk membela diri.

"Anwar kini bersalah dan dipenjarakan atas kesalahan jenayah dan dia bukan banduan politik. Yang tentukan hukuman ialah mahkamah, bukan saya," katanya.

(END)

